

18 MAY 2000

Marina-HIV

MAJLIS AIDS BIMBANG KURANGNYA SENSITIVITI TERHADAP MANGSA AIDS

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Majlis Aids Malaysia hari ini menyatakan kebimbangan akan kurangnya sensitiviti terhadap seorang wanita yang dijangkiti HIV selepas menerima pemindahan darah di Hospital Jitra

Presidennya Datin Paduka Marina Mahathir berkata, majlis itu juga bimbang bagi keluarga wanita itu yang gambar mereka disiarkan oleh media menyebabkan wanita itu terpaksa mendedahkan identitinya.

"Majlis ini bimbang dengan pencabulan hak mangsa."

"Lebih daripada itu, adalah jelas yang pemberita telah diberikan akses kepada penderma yang disyaki. Ini mungkin menyebabkan penderma itu dianggap sebagai penjenayah sedangkan pada hakikatnya ia berpunca daripada kegagalan sistem," kata beliau dalam satu kenyataan hari ini.

Marina berkata demikian sebagai mengulas kes seorang wanita berusia 47 tahun yang menerima pemindahan darah yang tercemar dengan kuman HIV pada bulan lepas di Hospital Jitra.

Marina berkata, jangkitan HIV bukan hukuman mati kerana ada rawatan bagi penyakit itu dan mereka dengan HIV/Aids juga hidup lama dan melalui kehidupan yang produktif.

Beliau berkata hakikat ini perlu diberitahu kepada mangsa.

"Adalah penting untuk memaklumkan kepada wanita itu yang jangkitan HIV bukan hukuman mati," kata Marina.

Beliau berkata sokongan positif daripada anggota keluarga, rakan dan masyarakat juga penting untuk membantu mangsa.

Beliau juga berkata, majlis itu menyambut baik langkah Kabinet mengaku bertanggungjawab dalam isu itu.

"Kami juga menyokong langkah Kementerian Kesihatan memperketatkan prosedur pemeriksaan darah untuk elakkan berulangnya insiden seperti itu," kata Marina.

-- BERNAMA

NM ES PR